

04/05/2002

GPMS ajak guru bersara sertai projek kelas bimbingan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) mempelawa guru Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik dan Sains yang sudah bersara menyertai projek kelas bimbingan anjurannya.

Presidennya, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata persatuan itu memerlukan lebih 1,000 guru bagi empat subjek berkenaan di kelas bimbingannya yang dijalankan di 81 sekolah menengah di seluruh negara.

Katanya, ketika ini kelas bimbingan itu sudah pun dimulakan tetapi dengan kerjasama guru yang masih dalam perkhidmatan.

"Sungguhpun demikian, kita masih memerlukan lebih ramai lagi guru berkhidmat secara sukarela bagi menjayakan kelas bimbingan ini yang bertujuan membantu pelajar tingkatan satu hingga enam, terutama di kawasan luar bandar, meningkatkan pencapaian akademik mereka.

"Sehubungan itu, kita mempelawa guru bersara menyertai projek ini kerana yakin pengalaman mereka mengajar, menggubal soalan dan memeriksa kertas peperiksaan sangat berguna bagi membantu pelajar terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan buku Ekosistem Karang terbitan syarikat Anzagain Sdn Bhd di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, semalam.

Buku itu yang dilancarkan sempena Pameran Buku Antarabangsa yang sedang berlangsung di ibu negara sehingga 5 Mei ini ditulis oleh pensyarah Universiti Industri Selangor, Dr Mohd Kushairi Mohd Rajuddin.

Suhaimi berkata, GPMS menganjurkan kelas bimbingan itu sejajar dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika memberi taklimat mengenai kepentingan meritokrasi bagi kemasukan ke universiti tidak lama dulu, supaya pertubuhan bukan kerajaan mengambil inisiatif mewujudkan sukarelawan pendidikan.

Walaupun bertugas secara sukarela, katanya, GPMS tetap memberikan sedikit ganjaran kepada guru yang terbabit.

"Jumlahnya tidak besar kerana kita hanya mengenakan yuran yang minimum kepada pelajar kelas berkenaan iaitu RM5 bagi satu subjek," katanya.

Terdahulu, Suhaimi yang juga Pengerusi Tahun Membaca Rakyat Malaysia berkata, pelbagai acara akan diadakan sempena sambutan itu tahun ini bagi menggalakkan perkembangan industri penerbitan tempatan serta menanamkan minat membaca di kalangan masyarakat.

Antaranya ialah Anugerah Buku Negara yang akan diberikan kepada penulis dan penerbit bagi mengiktiraf sumbangan mereka dalam penghasilan buku di negara ini.

Selain itu, satu perhimpunan bertema 'Terima Kasih Cikgu' yang mengumpulkan kira-kira 10,000 guru dari seluruh negara juga akan diadakan. Ogos ini sebagai simbolik untuk mengucapkan terima kasih kepada guru.

(END)